

**TEKS UCAPAN OLEH YANG BERHORMAT SENATOR DATO' MAZNAH MAZLAN
TIMBALAN MENTERI SUMBER MANUSIA
SEMPENA MAJLIS PERASMIAN PROGRAM KELAS PERSEDIAAN PEPERIKSAAN
& MOTIVASI PERKESO 2012
DI POLITEKNIK SULTAN HJ AHMAD SHAH (POLISAS)
PADA 04 JUN 2012**

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih Pengerusi Majlis,

Yang Berbahagia Datuk K Selvarajah
Ketua Eksekutif PERKESO

En

Pengarah Politeknik Sultan Hj Ahmad Shah (POLISAS)

Pengarah-Pengarah Jabatan/Agensi di Bawah Kementerian Sumber Manusia
Negeri Pahang

Pegawai-Pegawai Kanan PERKESO

Tetamu-tetamu jemputan,

Peserta-peserta Program Seminar Motivasi dan Persediaan Menghadapi
Peperiksaan Anak-Anak Penerima Faedah PERKESO bagi tahun 2010.

Rakan-rakan Media,

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Assalamualaikum warahmathullahi wabarakatuh dan salam sejahtera

- 1) Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kepada pihak PERKESO kerana sudi menjemput saya hadir di majlis ini dan seterusnya merasmikan Program Kelas Persediaan Peperiksaan & Motivasi PERKESO bagi tahun 2012.

- 2) Sememangnya saya amat menghargai kesempatan seperti ini, kerana ia membolehkan saya bertemu mesra dengan peserta-peserta program ini. Inisiatif PERKESO ini patutlah dipuji kerana ia menunjukkan sikap keprihatinan terhadap pentingnya menimba ilmu pengetahuan khususnya bagi anak-anak penerima faedah yang bakal menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia tidak lama lagi.

- 3) Disamping itu juga, tujuan program ini dijalankan ialah untuk memberi semangat dan daya juang kepada peserta-peserta yang akan menduduki peperiksaan SPM pada penghujung tahun 2012 ini. Melalui program ini juga diharap dapat memberi kesedaran kepada peserta-peserta betapa pentingnya kejayaan yang cemerlang dalam peperiksaan SPM memandangkan ia boleh mencorakkan masa depan mereka. Sekiranya gagal dalam peperiksaan tersebut, maka sukarlah untuk memperoleh cemerlangan dalam kerjaya masa depan mereka. Saya dengan penuh harapan menaruh hasrat yang tinggi agar anak-anak penerima faedah PERKESO ini mempergunakan peluang ini sebaik mungkin bagi mencapai cita-cita mereka dan seterusnya mengubah nasib mereka.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

- 4) Kepentingan pendidikan sememangnya tidak dapat dipertikaikan. Negara membangun seperti Malaysia tiada pilihan lain untuk menangani pelbagai cabaran yang mendatang dalam ia meniti jalan menuju kepada status negara maju, sebagaimana yang dicita-citakan. Dasar kerajaan di dalam aspek pendidikan tidak pernah berubah sejak dari dahulu lagi. Pendidikan merupakan sebahagian dari perjuangan kita yang kekal abadi.

- 5) Walaupun terlalu banyak yang telah kita lakukan di dalam arena pendidikan, dan agak hebat juga kemajuan yang telah kita capai setakat ini, namun begitu, hakikatnya ialah perjalanan kita masih jauh sekali. Negara masih memerlukan ramai jurutera mahir yang mampu menjadi pemimpin-pemimpin Sains dan Teknologi di dalam alaf baru yang serba mencabar ini. Siapakah pemimpin-pemimpin Sains dan Teknologi ini? Saya dengan penuh yakin percaya sejumlah 200 peserta dari kalangan anak-anak penerima faedah PERKESO termasuk mereka yang berada di dalam dewan ini akan menjadi pemimpin-pemimpin tersebut.

Hadirin yang dihormati,

- 6) Hasrat saya pada peserta-peserta program ini bukan sahaja menguasai ilmu dan kemahiran, tetapi juga memiliki dan mengamalkan sikap dan nilai positif untuk meningkatkan keupayaan diri serta memakmurkan negara.

Dalam dunia yang bergerak dengan berpaksikan kepada ilmu pengetahuan semata-mata ini, tanpa ilmu dan amal, maka segala aspirasi dan harapan tidak akan menjadi kenyataan.

- 7) Sejak tahun 1995, seramai 14,100 peserta dari kalangan anak-anak penerima faedah PERKESO yang telah mengikuti program ini dan saya berbangga kerana sejumlah besar dari kalangan anak-anak peserta program ini terdahulu memperolehi kejayaan yang cemerlang dalam peperiksaan SPM, dan sebahagian besar dari mereka yang berjaya melanjutkan pelajaran ke luar negara. Saya difahamkan bahawa program ini mendapat sambutan yang amat mengalakkan di kalangan anak-anak penerima faedah PERKESO ini sehinggakan bilangan peserta pada tahun ini terpaksa dihadkan.

Peluang mengikuti program ini sebenarnya bukanlah mudah tetapi anak-anak yang bertuah berjaya dipilih diharap janganlah mempersiapkan peluang ini yang dibiayai sepenuhnya oleh PERKESO.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

- 8) Menyedari kebanyakan keluarga penerima faedah ini adalah terdiri dari keluarga yang berpendapatan sederhana dan kadangkala terpaksa menghadapi bebanan yang perit dalam menyediakan perbelanjaan untuk pendidikan anak-anak terutama dipusat-pusat pengajian tinggi, PERKESO telah memperkenalkan Faedah Pendidikan untuk anak-anak penerima

faedah yang menerima pencen secara bulanan bagi membiayai kos pengajian mereka. Faedah Pendidikan PERKESO ini mula di perkenalkan pada bulan Mei 1997 sehingga bulan April 2012 PERKESO telah meluluskan sebanyak juta ringgit kepada pemohon. Dari jumlah tersebut sebanyak RM..... jumlah pinjaman telah ditukar kepada biasiswa berdasarkan pencapaian cemerlang anak-anak penerima faedah pendidikan yang memperolehi keputusan cemerlang iaitu seramai orang.

Jumlah bayaran balik yang diterima oleh PERKESO sehingga April 2012 adalah RM..... juta berbanding jumlah bayaran balik yang sepatutnya diterima RM.....juta.

Para hadirin yang saya hormati,

- 9) *Melentur buluh biar dari rebungunya.* Generasi baru yang akan menjadi pelapis dimasa akan datang inilah yang akan menjana Malaysia ke arah yang lebih produktif. Dan persediaan ke jalan itu bermula sekarang. Inisiatif PERKESO yang murni ini sesungguhnya mahu membentuk bakal-bakal pemimpin yang akan mereliasasikan wawasan negara. Oleh yang demikian, PERKESO yang menyedari hakikat ini telah mendahulukan pendidikan anak-anak agar pencapaian dapat diutamakan.
- 10) Pengurusan PERKESO juga sedar dengan keadaan ekonomi semasa yang memberi tekanan tambahan kepada kos kehidupan. Justeru itu

pengurusan PERKESO telah mengambil keputusan untuk mengurangkan caj perkhidmatan pinjaman dari empat peratus hanya kepada dua peratus berkuatkuasa mulai bulan Februari 2009.

Tuan-tuan dan puan-puan,

- 11) Akhirnya, saya sekali lagi merakamkan ucapan terima kasih kepada PERKESO kerana memberi saya peluang dan penghormatan ini.
Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan berbilang-banyak terima kasih di atas kehadiran tuan-tuan dan puan-puan.

Dengan lafaz BISMILLAHIRAHMANIRAHIM..... Saya dengan ini merasmikan PROGRAM SEMINAR MOTIVASI DAN PERSEDIAAN MENGHADAPI PEPERIKSAAN BAGI ANAK-ANAK PERKESO BAGI TAHUN 2012.

Sekian Terima Kasih.

YB SENATOR DATO' MAZNAH MAZLAN
TIMBALAN MENTERI SUMBER MANUSIA